

Pengenalan

Selamat datang ke Perbankan Korporat dan Komersial Scotiabank

Mengetahui cara untuk memenuhi jangkaan perniagaan bermula dengan bank yang komited untuk memenuhi keperluan anda. Di Scotiabank, pasukan Perbankan Korporat dan Komersial kami bekerja bersama-sama dengan anda untuk memahami keperluan perniagaan anda yang khusus dan menyampaikan penyelesaian kewangan yang fleksibel serta sesuai untuk membantu anda mencapai matlamat anda. Sebagai rakan kewangan anda, kami mengetahui caranya untuk menggunakan pengetahuan industri yang meluas serta kepakaran global kami untuk membantu anda menavigasi dalam pasaran masa kini yang sentiasa berubah-ubah.

Maklumat Am tentang Akaun

Untuk memperoleh manfaat daripada perkhidmatan perniagaan kami, anda mestilah membuka Akaun Perniagaan, dan dalam apa jua keadaan, anda mestilah tidak menggunakan mana-mana akaun peribadi yang anda buka untuk tujuan perniagaan.

Kami menawarkan pelbagai akaun dan pelan yang dipakejkan bersama dengan perkhidmatan perbankan untuk anda. Bukan semua akaun atau Perkhidmatan tersedia di setiap negara. Untuk mendapatkan maklumat tentang ketersediaan akaun atau Perkhidmatan sila hubungi cawangan anda.

Oleh sebab anda mesti diluluskan untuk semua Akaun dan Perkhidmatan Perniagaan, kami menghendaki agar anda melengkapkan Permohonan untuk Akaun Perniagaan dan/atau Perkhidmatan Perbankan (“Permohonan Akaun Perniagaan”) atau sebaliknya memberikan maklumat yang diminta di dalam Permohonan kepada kami. Anda mengesahkan bahawa apa-apa anda semua maklumat dan dokumen (termasuklah bukti penubuhan dan status baik yang berterusan) yang diserahkan kepada kami adalah benar, betul dan lengkap. Anda juga bersetuju untuk memaklumkan kepada kami dengan segera tentang apa-apa perubahan kepada mana-mana maklumat ini atau kepada mana-mana dokumen yang telah anda beri kepada kami.

Anda juga mestilah memohon secara berasingan untuk dan diluluskan untuk penyelesaian kewangan dan pengurusan risiko kami, termasuklah perkhidmatan kewangan perdagangan dan perkhidmatan pertukaran wang asing kami. Sila hubungi cawangan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Istilah yang kami gunakan di dalam buku kecil ini

“Perjanjian” bermakna secara kolektif Perjanjian Perkhidmatan Kewangan Korporat & Komersial ini, Permohonan Akaun Perniagaan, Permintaan Perkhidmatan dan Jadual Penentuan Harga (jika berkenaan), semua pensijilan dan persetujuan yang diberikan dalam mana-mana Permohonan Akaun Perniagaan, dan mana-mana dokumen atau perjanjian lain yang digabungkan dengan rujukan kepada Perjanjian ini.

Istilah “anda” bermakna pelanggan perniagaan, semua rakan kongsi (dalam kes perkongsian) dan perbadanan atau syarikat liabiliti terhad (dalam kes entiti yang diperbadankan), atau mana-mana pengarah, pegawai, rakan kongsi atau pegawai penandatanganan untuk Akaun Perniagaan ini. Ia juga bermakna mana-mana individu yang telah memberikan jaminan untuk apa-apa produk atau perkhidmatan kewangan atau insurans yang kami tawarkan.

“Kami”, “Scotiabank”, dan “Bank” bermakna, seperti yang berkenaan, The Bank of Nova Scotia dan cawangan dan subsidiari dan sekutunya yang beroperasi di luar Kanada, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cawangannya di China, Korea, Hong Kong, Singapura, Malaysia, Jepun, Taiwan, Mesir, India, sekutunya di Thailand, dan subsidiarinya, Scotiabank (Hong Kong) Limited, The Bank of Nova Scotia Berhad, The Bank of Nova Scotia Asia Limited, dan Scotiatrust (Asia) Limited. .

Kumpulan Scotiabank bermakna secara kolektif, The Bank of Nova Scotia dan semua subsidiari dan sekutunya.

Takrifan Lain yang perlu anda ketahui

Akaun Perniagaan adalah akaun cek perniagaan dan simpanan kami.

Transaksi debit merangkumi apa-apa jenis pengeluaran, termasuklah pengeluaran tunai, cek yang dikeluarkan dari akaun anda, pemindahan dana (tanpa mengira jika pemindahan itu adalah ke akaun Scotiabank yang lain), pembayaran bil, draf bank, kiriman wang, pembayaran yang telah dibenarkan lebih awal dan apa-apa kaedah pembayaran terus yang lain.

Akaun Domisil atau Cawangan Domisil merujuk kepada negara tempat terletaknya akaun cawangan anda.

Akaun Perniagaan Tidak Aktif merujuk kepada Akaun Perniagaan anda yang tidak aktif atau dorman akibat anda tidak melengkapkan transaksi atau tidak



meminta penyata akaun dalam tempoh yang didokumenkan oleh cawangan domisil anda.

Jika Akaun Perniagaan anda menjadi tidak aktif atau dorman, kami menghendaki agar anda mengunjungi cawangan domisil anda dan mengemukakan bukti yang boleh diterima tentang identiti anda dan alamat anda untuk mengaktifkan semula Akaun anda. Jika Akaun Perniagaan anda kekal tidak aktif, kami akan mengikuti undang-undang bidang kuasa di tempat Akaun anda berdomisil berkaitan dengan akaun yang tidak aktif, yang mungkin melibatkan pemindahan wang anda kepada pihak berkuasa kerajaan selepas suatu tempoh masa yang telah ditetapkan dan mengikuti prosedur undang-undang yang tertentu.

Akaun yang tidak aktif tidak boleh diakses melalui mana-mana cawangan Scotiabank yang lain.

Perkhidmatan bermakna apa-apa perbankan perniagaan, insurans, produk atau perkhidmatan pembrokeran atau kewangan yang kami tawarkan.

Transaksi Bantuan Juruwang adalah transaksi yang diproses terus dengan juruwang di cawangan Scotiabank.

Undang-undang yang Terpakai merujuk kepada undang-undang Malaysia

Skop Perjanjian Ini

Dengan menandatangani Permohonan Akaun Perniagaan, anda mengakui bahawa anda telah menerima Perjanjian Perkhidmatan Kewangan Korporat & Komersial ini dan bersetuju dengan terma dan syarat berikut yang mengawal Akaun Perniagaan Anda.

Operasi Perjanjian Ini

Perjanjian ini dan arahan yang anda beri di bawahnya, menggantikan semua perjanjian sebelum ini dan akan kekal berkuat kuasa dan boleh kami gunakan sehingga kami menerima notis pembatalan secara bertulis daripada salah seorang atau lebih daripada anda.

Terma dan syarat dalam Perjanjian ini mengikat anda dan mana-mana individu yang menggantikan anda (termasuklah pemegang amanah penerima, waris, wasi, pentadbir dan wakil sah yang lain) atau mengambil alih tanggungjawab anda. Anda tidak boleh menyerahkan mana-mana Akaun atau Perkhidmatan Perniagaan atau Perjanjian ini tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu. Anda akan memaklumkan kepada kami dengan segera jika anda memindahmilikkan atau menjual apa-apa bahagian yang cukup besar (sekurang-kurangnya 25% daripada aset atau modal saham) daripada perniagaan anda.

Perjanjian ini dan semua transaksi yang dipertimbangkan di bawahnya dan apa-apa tuntutan, pertikaian atau kontroversi yang berkaitan dengan Perjanjian ini dan Akaun(-akaun) dan Perkhidmatan Perniagaan akan dikawal, diertikan dan ditafsirkan menurut undang-undang bagi bidang kuasa tempat Akaun atau Perkhidmatan Perniagaan anda berdomisil, dan anda bersetuju untuk menyerahkan hanya kepada bidang kuasa mahkamah di tempat Akaun(-akaun) Perniagaan anda berdomisil.

Sekiranya mana-mana satu atau lebih peruntukan di dalam Perjanjian ini atas apa jua sebab sekalipun dianggap sebagai tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan, peruntukan lain akan kekal sah dan boleh dikuatkuasakan.

Hak kami di bawah Perjanjian ini, dokumen akaun yang lain dan undang-undang yang terpakai adalah bersifat kumulatif dan kami boleh menggunakan mana-mana hak tanpa kehilangan apa-apa hak yang lain.

Kami boleh menangguhkan penguatkuasaan mana-mana hak tanpa kehilangan hak tersebut. Kami juga boleh menepikan apa-apa hak pada satu kali, atau

berbilang kali, tanpa kehilangan keupayaan untuk mengamalkan hak itu pada masa hadapan.

Kami boleh menambah atau menukar terma dan syarat bagi Perjanjian ini atau mana-mana Perkhidmatan pada bila-bila masa dari masa ke masa. Hak ini merangkumi hak kami untuk meminda Perjanjian ini dengan menambah terma baru, menetapkan kadar, caj dan bayaran baru serta meningkatkan atau menurunkan kadar, caj dan bayaran. Kami akan memaklumkan kepada anda tentang perubahan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Notis tentang terma dan syarat tambahan atau pindaan boleh diberi kepada anda melalui komunikasi elektronik, atau dengan menyiarkan notis di cawangan kami, boleh disiarkan di laman web umum kami, dan juga boleh diberi melalui notis di dalam penyata bulanan kami dan mana-mana kaedah ini adalah penyampaian notis yang mencukupi. Anda bersetuju bahawa apa-apa notis perubahan sedemikian dalam terma dan syarat Perjanjian ini akan mengikat anda dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini tanpa memerlukan tandatangan anda.

Kami boleh menutup Akaun(-akaun) Perniagaan anda atau menamatkan apa-apa Perkhidmatan(-perkhidmatan) di bawah Perjanjian ini kepada anda jika anda tidak mengendalikan Akaun(-akaun) Perniagaan anda dengan cara yang memuaskan, sebagai contoh, jika anda mengekalkan baki terlebih keluar disebabkan cek NSF atau caj perkhidmatan yang telah lama belum dijelaskan atau jika anda melanggar terma dan syarat dalam Perjanjian ini, atau jika anda menggunakan akaun(-akaun) untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar. Kami boleh menutup Akaun(-akaun) Perniagaan anda atau menamatkan apa-apa Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini tanpa sebab dengan memberi anda notis bertulis tiga puluh (30) hari yang dihantar ke alamat anda di dalam rekod. Anda boleh menutup Akaun(-akaun) Perniagaan anda pada bila-bila masa setelah memberikan notis kepada kami. Setelah menutup Akaun(-akaun) Perniagaan, Bank boleh mengembalikan tanpa pembayaran semua cek atau perintah pembayaran yang dikemukakan untuk pengutipan.

Anda boleh menutup Akaun(-akaun) Perniagaan anda pada bila-bila masa setelah memberikan notis kepada kami. Setelah menutup Akaun(-akaun) Perniagaan, Bank boleh mengembalikan tanpa pembayaran semua cek atau perintah pembayaran yang dikemukakan untuk pengutipan.

Jika anda merupakan bukan pemastautin bagi negara tempat Akaun Perniagaan anda berdomisil, anda dinasihati bahawa transaksi perbankan luar pesisir mungkin dikenakan cukai di dalam negara tempat akaun anda berdomisil dan/atau di dalam negara asal anda. Sewajarnya, jika anda bukan pemastautin, anda hendaklah mendapatkan nasihat bertulis terlebih dahulu untuk transaksi sedemikian daripada penasihat cukai yang berkeelayakan di dalam domisil anda

sendiri. Satu salinan nasihat bertulis itu mungkin diminta oleh Bank sebelum membuka Akaun Perniagaan atau pada bila-bila masa selepas itu.

Kami akan menanggung cukai ke atas pembayaran kepada anda hanya jika dikehendaki melakukan sedemikian oleh undang-undang, jika tidak, anda bertanggungjawab terhadap apa-apa cukai termasuk Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) yang mungkin dikenakan di dalam Akaun(-akaun) atau Perkhidmatan-(perkhidmatan) Perniagaan anda. Jika kami dikehendaki membuat sebarang pemotongan atau penahanan bagi apa-apa cukai termasuk Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) untuk pembayaran kepada kami, maka amaun pembayaran kepada kami akan ditingkatkan sebanyak amaun yang diperlukan untuk membayar cukai sedemikian. Anda bersetuju untuk melindungi kami bagi semua kerugian, kos, dan/atau pembayaran faedah disebabkan kegagalan untuk membayar cukai sedemikian atau kos tambahan disebabkan kegagalan untuk memfailkan pulangan yang sewajarnya atau maklumat dengan pihak berkuasa kerajaan.

Kami mengekalkan hak kami di bawah apa-apa undang-undang berhubung dengan tolakan, deposit dan urusan perbankan walaupun jika ia tidak diterangkan dalam Perjanjian ini.

Terma khas untuk Perkongsian atau Usaha Sama

Jika anda merupakan perkongsian atau usaha sama, setiap individu atau entiti yang merupakan ahli perkongsian atau usaha sama (tetapi bukan rakan kongsi terhad atau perkongsian terhad) adalah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab terhadap:

- Semua kewajipan untuk menyediakan wang yang diperlukan untuk mengisi dana Akaun Perniagaan;
- Semua transaksi masa kini dan masa hadapan yang dimasukkan atau mungkin dimasukkan dengan kami atas nama anda, dan setiap nota janji hutang, bil pertukaran, draf, cek, instrumen, resit, perjanjian sekuriti, gadai janji, bebanan atau resit caj;
- Kecuali tuntutan yang menurut undang-undang dibuat sebelum pembayaran balik, keseluruhan atau mana-mana bahagian dalam baki kredit di dalam Akaun Perniagaan anda boleh dikeluarkan oleh salah seorang daripada anda, atau kami kenakan pada hutang salah seorang atau lebih daripada anda kepada kami;
- Arahan yang anda beri kekal yang berkuat kuasa dan boleh kami gunakan sehingga kami menerima notis pembatalan secara bertulis daripada salah seorang atau lebih daripada anda;
- Perjanjian ini, dan mana-mana perintah atau resit yang ditandatangani atau dibenarkan oleh salah seorang atau lebih daripada anda di bawah



- Perjanjian ini adalah mengikat terhadap setiap seorang daripada anda dan wakil sah atau peribadi anda sendiri.

Terma dan Syarat Umum yang Dikenakan pada semua Akaun dan Perkhidmatan Perniagaan

1. Cara Kami Melindungi Privasi Anda

Privasi anda penting bagi Scotiabank. Perjanjian Privasi Scotiabank (“Perjanjian Privasi”) ini, seperti yang dipinda dari masa ke masa, menyatakan amalan maklumat untuk Kumpulan Scotiabank*, termasuklah jenis maklumat yang dikumpulkan, cara maklumat digunakan dan dengan siapa maklumat dikongsi. Ia dikenakan pada setiap individu yang telah memohon, menandatangani permohonan, mendaftar dalam atau menggunakan apa-apa perbankan peribadi atau perniagaan, insurans, pembrokeran atau produk atau perkhidmatan kewangan yang kami tawarkan (“Perkhidmatan”) termasuklah mana-mana pemohon bersama, penjamin atau wakil peribadi.

Perjanjian Privasi ini menggantikan semua perjanjian yang sebelumnya, sama ada bertulis atau lisan, antara anda dengan kami berkenaan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi dan kewangan anda.

Dalam Perjanjian Privasi ini,

“Kami”, “Scotiabank”, dan “Bank” bermakna, seperti yang berkenaan, The Bank of Nova Scotia dan cawangan dan subsidiari dan sekutunya yang beroperasi di luar Kanada, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cawangannya di China, Korea, Hong Kong, Singapura, Malaysia, Jepun, Taiwan, Mesir, India, sekutunya di Thailand, dan subsidiarinya, Scotiabank (Hong Kong) Limited, The Bank of Nova Scotia Berhad, The Bank of Nova Scotia Asia Limited, dan Scotiatrust (Asia) Limited. .

“Kumpulan Scotiabank” bermakna secara kolektif, The Bank of Nova Scotia dan semua subsidiari dan sekutunya.

“Anda” bermakna seseorang individu yang telah memohon, menandatangani permohonan, telah mendaftar dalam atau menggunakan apa-apa Perkhidmatan dan termasuklah mana-mana pemohon bersama, penjamin atau wakil peribadi.

Mengumpul, menggunakan dan mendedahkan maklumat anda

Scotiabank merupakan sebuah organisasi global dengan entiti sah, proses perniagaan, struktur perniagaan dan sistem teknikal yang merentasi sempadan. Amalan privasi kami dirangka untuk memberikan perlindungan kepada maklumat peribadi dan kewangan anda dalam Kumpulan syarikat Scotiabank di seluruh dunia.

Apabila anda memohon, atau memberikan jaminan berkenaan dengannya, atau menggunakan apa-apa Perkhidmatan dan sepanjang anda menjadi Pelanggan kami, anda bersetuju bahawa:

kami boleh mengumpul maklumat peribadi dan kewangan tertentu daripada anda dan tentang diri anda seperti:

- nama penuh, alamat, tarikh lahir dan pekerjaan anda serta sifat dan jenis perniagaan yang anda kendalikan (jika berkenaan), yang diperlukan oleh undang-undang dalam kebanyakan negara tempat Scotiabank menjalankan perniagaan;
- sekurang-kurangnya satu pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan dengan gambar, seperti pasport yang sah, kad pengenalan negara, kad pengundi atau lesen memandu, serta dokumen atau cara lain untuk mengesahkan identiti anda yang dapat kami terima. Kami juga boleh meminta dokumen seperti bil utiliti terkini untuk menentusahkan nama dan alamat anda;
- pendapatan tahunan, aset dan liabiliti serta sejarah kredit anda;
- Maklumat tentang transaksi anda, termasuklah sejarah pembayaran, aktiviti akaun, cara anda berhasrat untuk menggunakan akaun, produk atau Perkhidmatan dan sumber bagi apa-apa dana atau aset yang masuk;
- Maklumat yang mungkin kami perlukan untuk memberi anda Perkhidmatan, seperti meminta maklumat kesihatan jika anda memohon untuk produk insurans tertentu. Dalam sesetengah keadaan, memberikan maklumat ini bersifat pilihan;
- maklumat tentang pihak ketiga seperti pasangan anda jika anda memohon Perkhidmatan tertentu, jika maklumat ini dibenarkan oleh undang-undang; dan
- Maklumat tentang pemilik warisan, perantara dan pihak ketiga lain yang dikehendaki oleh kerajaan.

Untuk entiti sah seperti syarikat, perkongsian, tabung amanah, harta pusaka, organisasi atau kelab, kami boleh mengumpul maklumat yang dirujuk di atas untuk setiap individu, rakan kongsi, pemegang amanah, wasi dan ahli kelab yang dibenarkan, seperti yang berkaitan.

Kami boleh mengumpul daripada, menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi dan kewangan ini kepada, mana-mana individu atau organisasi untuk tujuan berikut:

- untuk mengesahkan identiti anda;
- untuk memahami keperluan anda;
- untuk menentukan kesesuaian Perkhidmatan kami bagi diri anda;
- untuk menentukan kelayakan anda bagi Perkhidmatan kami;
- untuk menyediakan, menguruskan dan menawarkan Perkhidmatan yang menepati keperluan anda;
- untuk memberi kepada anda Perkhidmatan yang berterusan;
- untuk menepati keperluan undang-undang dan pengawalan kami;
- untuk membantu kami mengutip hutang atau menguatkuasakan kewajipan yang perlu anda laksanakan kepada kami;
- untuk memberi respons kepada perintah mahkamah, waran geledah atau tuntutan atau permintaan lain yang kami yakini adalah sah atau untuk mematuhi peraturan pengeluaran mahkamah;
- untuk menguruskan dan menilai risiko kami;
- untuk menyiasat dan membuat keputusan tentang tuntutan insurans; dan
- untuk mengelakkan atau mengesan aktiviti penipuan atau jenayah atau untuk menguruskan dan menyelesaikan apa-apa kerugian sebenar atau mungkin berlaku berhubungan dengan aktiviti penipuan atau jenayah.

Apabila kami mengumpulkan maklumat kesihatan anda untuk tujuan memberikan Perkhidmatan insurans, kami akan menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan itu semasa-mata. (Lihat di bawah untuk mendapatkan lebih banyak maklumat.)

Kami tidak menyediakan secara terus semua perkhidmatan yang berkaitan dengan perhubungan anda dengan kami. Kami mungkin menggunakan penyedia perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses atau mengendalikan maklumat peribadi dan kewangan bagi pihak kami dan untuk membantu kami dengan pelbagai perkhidmatan seperti pencetakan, pengedaran surat, pemrosesan data, pemasaran, menyediakan sokongan pelanggan atau melaksanakan analisis statistik bagi perkhidmatan kami dan anda mengakui bahawa kami boleh menyerahkan maklumat peribadi dan kewangan tentang diri anda kepada mereka.

Penyedia perkhidmatan kami terdapat di seluruh dunia. Oleh itu, maklumat peribadi dan kewangan anda mungkin dapat diakses oleh pihak berkuasa pengawalan selaras dengan undang-undang negara tempat penyedia perkhidmatan kami beroperasi. Kami akan menghendaki penyedia perkhidmatan kami melindungi maklumat peribadi dan kewangan yang mereka terima daripada kami menurut cara yang konsisten dengan dasar dan amalan privasi Kumpulan syarikat Scotiabank.

Kami boleh berkongsi maklumat peribadi dan kewangan anda dalam Kumpulan syarikat Scotiabank untuk apa-apa tujuan yang dinyatakan di atas dan anda bersetuju bahawa kami boleh memindahkannya ke negara di dunia di tempat



kami menjalankan perniagaan. Ini bermakna bahawa maklumat peribadi dan kewangan anda mungkin diakses oleh pihak berkuasa pengawalaturan di dalam negara tersebut selaras dengan undang-undang negara tersebut.

Kami boleh mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan nombor keselamatan sosial, nombor pengenalan kebangsaan atau apa-apa jenis cukai yang lain atau nombor pengenalan peribadi lain yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk tujuan pengisytiharan cukai pendapatan, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Selain itu, kami boleh meminta nombor keselamatan sosial anda, nombor pengenalan kebangsaan atau maklumat cukai atau pengenalan peribadi lain yang dikeluarkan oleh kerajaan, jika dibenarkan oleh undang-undang, untuk menentusahkan dan melaporkan maklumat kredit kepada biro kredit dan agensi pelaporan kredit serta untuk mengesahkan identiti anda. Ini membolehkan kami menyimpan maklumat peribadi dan kewangan anda secara berasingan daripada klien lain, terutamanya mereka dengan nama yang serupa dan membantu mengekalkan keutuhan dan ketepatan maklumat peribadi dan kewangan anda.

Kami boleh menentusahkan maklumat berkaitan yang anda beri kepada kami dengan majikan anda, rujukan anda atau sumber bebas lain yang boleh dipercayai dan anda membenarkan mana-mana individu yang kami hubungi dalam hal ini untuk memberikan maklumat sedemikian kepada kami.

Kami boleh menolak untuk memasuki atau meneruskan perhubungan atau menjalankan transaksi dengan anda atas sebab-sebab sah yang tertentu, atau jika anda berkeras untuk mengekalkan ketanpanamaan atau memberikan maklumat palsu, tidak konsisten atau bercanggah yang ketidakkonsistenan atau percanggahan itu tidak dapat diselesaikan sehingga memuaskan hati kami selepas siasatan yang munasabah.

Anda bersetuju bahawa kami boleh memantau akaun anda untuk menepati kewajipan undang-undang dan pengawalaturan kami, termasuklah menggunakan sistem pengawasan automatik untuk mengelakkan atau mengesan aktiviti penipuan atau jenayah seperti pengubahan wang haram atau pembiayaan penganas. Anda bersetuju bahawa kami boleh berkongsi maklumat anda dalam Kumpulan syarikat Scotiabank untuk tujuan tersebut, termasuklah memantau aktiviti akaun, menyiasat aktiviti yang luar biasa atau meragukan dan, jika perlu, melaporkan aktiviti sedemikian kepada agensi penguatkuasaan undang-undang.

Anda bersetuju bahawa kami boleh memantau atau merekodkan apa-apa panggilan telefon yang kami buat dengan anda. Kandungan panggilan itu juga boleh disimpan. Kami mungkin akan memaklumkan kepada anda sebelum meneruskan dengan panggilan tentang kemungkinan ini. Ini juga adalah untuk menyimpan rekod bagi maklumat yang anda beri, untuk memastikan bahawa arahan anda diikuti dengan betul dan untuk memastikan bahawa tahap



perkhidmatan pelanggan dijaga. Anda juga bersetuju bahawa satu salinan rekod(-rekod) perniagaan kami (dalam apa-apa bentuk, termasuklah mikrofilem, fotokopi, CD-ROM atau imej) bagi apa-apa komunikasi boleh diganti untuk dokumen asal. Anda bersetuju bahawa rekod sedemikian, atau apa-apa komunikasi lisan yang direkodkan, boleh digunakan sebagai bukti kukuh bagi kandungan komunikasi itu dalam apa-apa prosiding undang-undang atau prosiding lain.

Jika anda mempunyai Perkhidmatan dengan kami, kami boleh menggunakan, mendedahkan kepada dan mengumpulkan daripada biro kredit, agensi pelaporan kredit atau pangkalan data industri perkhidmatan kewangan (jika berkenaan), maklumat kredit dan maklumat lain tentang anda untuk menawarkan produk kredit yang telah diluluskan lebih awal atau kemudahan margin kepada anda. Kami juga boleh melakukan sedemikian setelah Perkhidmatan tamat.

Apabila anda memohon, menerima atau menjamin pinjaman atau kemudahan kredit atau sebaliknya menjadi terhutang dengan kami, dan dari masa ke masa sepanjang tempoh pinjaman atau kemudahan kredit, kami boleh menggunakan, memberi kepada, mendapatkan, menentusahkan, berkongsi dan bertukar maklumat kredit dan maklumat lain (kecuali maklumat kesihatan) tentang diri anda dengan yang lain termasuklah biro kredit, syarikat insurans gadai janji, syarikat insurans pemberi kredit, pejabat pendaftaran, syarikat lain dalam Kumpulan syarikat Scotiabank dan orang lain dengan siapa anda mungkin mempunyai urusan kewangan, serta individu lain seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang. Kami boleh melakukan perkara ini sepanjang tempoh perhubungan yang kami ada dengan anda dan kami boleh terus mendedahkan maklumat peribadi dan kewangan anda kepada biro kredit walaupun selepas pinjaman atau kemudahan kredit sudah tamat dan anda tidak boleh menarik balik persetujuan anda untuk melakukan sedemikian.

Jika anda mempunyai Perkhidmatan dengan kami seperti kad perbankan *ScotiaCard**, produk kad kredit atau kredit barisan, kami boleh memberikan maklumat (kecuali maklumat kesihatan) tentang anda kepada penyedia perkhidmatan pembayaran elektronik, pertubuhan kad kredit atau kad caj, rakan niaga program kesetiaan dan para pekerja dan ejen mereka untuk tujuan memproses, membenarkan dan membuktikan kebenaran transaksi anda (mengikut mana-mana yang berkenaan), memberikan perkhidmatan bantuan pelanggan kepada anda dan untuk tujuan lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan anda. Kami juga boleh memberikan maklumat ini berhubung dengan penyertaan anda dalam peraduan dan promosi yang dikendalikan oleh penyedia perkhidmatan pembayaran elektronik, pertubuhan kad kredit atau kad caj dan rakan niaga program kesetiaan bagi pihak kami.

Kami boleh memberikan maklumat peribadi dan kewangan (kecuali maklumat kesihatan) tentang anda kepada ahli lain Kumpulan syarikat Scotiabank (jika undang-undang Malaysia membenarkan perkara ini) supaya syarikat ini boleh



memberitahu anda secara terus tentang produk dan perkhidmatan mereka. Kumpulan syarikat Scotiabank termasuklah syarikat yang terlibat dengan perkhidmatan kepada awam seperti deposit, pinjaman dan perkhidmatan kewangan peribadi yang lain, perkhidmatan kad kredit, caj, debit dan pembayaran, perkhidmatan penuh dan perkhidmatan pembrokeran diskaun, pinjaman gadai janji, perkhidmatan tabung amanah dan penjagaan, perkhidmatan insurans, perkhidmatan pengurusan pelaburan dan perancangan kewangan dan perkhidmatan pelaburan dana bersama. Persetujuan ini akan dapat digunakan pada apa-apa syarikat yang membentuk sebahagian daripada Kumpulan syarikat Scotiabank pada masa hadapan. Anda juga bersetuju bahawa kami boleh memberi kepada anda maklumat daripada pihak ketiga yang kami pilih.

Kami boleh meminta maklumat hubungan seperti nombor telefon anda, telefon bimbit, nombor faks atau alamat e-mel daripada anda dan menyimpan dan menggunakan maklumat ini serta mendedahkannya kepada ahli lain dalam Kumpulan syarikat Scotiabank supaya kami atau mana-mana syarikat ini dapat menghubungi anda secara terus melalui saluran ini untuk tujuan pemasaran, termasuklah telepemasaran. Persetujuan ini juga akan dapat digunakan pada apa-apa syarikat yang membentuk sebahagian daripada Kumpulan syarikat Scotiabank pada masa hadapan.

Jika kami menjual sebuah syarikat dalam Kumpulan syarikat Scotiabank atau sebahagian daripada perniagaan bagi ahli Kumpulan Scotiabank, kami boleh memberikan maklumat yang kami simpan tentang anda kepada pembeli prospektif itu. Kami akan menghendaki mana-mana pembeli prospektif untuk melindungi maklumat yang diberikan dan menggunakannya menurut cara yang konsisten dengan dasar dan amalan privasi Kumpulan syarikat Scotiabank.

Kami boleh menyimpan dan menggunakan maklumat tentang anda dalam rekod kami selagi ia diperlukan untuk tujuan yang diterangkan dalam Perjanjian Privasi ini, walaupun anda tidak lagi menjadi pelanggan.

Semua maklumat yang anda berikan kepada kami akan, pada bila-bila masa, adalah betul dan lengkap. Jika apa-apa maklumat peribadi dan kewangan berubah atau menjadi tidak tepat atau sudah lapuk, anda dikehendaki memaklumkan kepada kami supaya kami dapat mengemaskinikan rekod kami.

Jika anda memohon Perkhidmatan Insurans dengan kami (Tidak berkaitan untuk Malaysia)

Apabila anda memohon, atau menandatangani berkenaan dengannya atau menerima Perkhidmatan Insurans daripada kami, kami boleh menggunakan, memberi kepada, mendapatkan, menentusahkan, berkongsi dan bertukar maklumat tentang anda dengan yang lain termasuklah rujukan yang telah anda

beri, daripada hospital dan pengamal kesihatan, daripada pelan insurans kesihatan kerajaan, daripada syarikat insurans lain, daripada maklumat perubatan dan biro perkhidmatan insurans, daripada wakil penguatkuasaan undang-undang, daripada penyiasat persendirian, dan daripada kumpulan atau syarikat lain yang pengumpulan diperlukan untuk menaja jamin atau sebaliknya mentadbir Perkhidmatan yang diminta, termasuklah penilaian tuntutan. Anda juga membenarkan mana-mana individu yang kami hubungi berkenaan dengannya untuk memberikan maklumat sedemikian kepada kami.

Jika anda menerima Perkhidmatan Insurans dengan kami atau jika Perkhidmatan Insurans dikeluarkan untuk hayat anda, anda hanya boleh menarik balik persetujuan anda seperti yang dinyatakan di atas selagi persetujuan itu tidak berkaitan dengan penajajaminan atau tuntutan yang ahli Kumpulan Scotiabank mesti mengumpulkan dan melaporkan maklumat kepada biro perkhidmatan insurans setelah permohonan ditaja jamin atau tuntutan disiasat. Ini perlu untuk mengekalkan keutuhan sistem penajajaminan dan tuntutan.

Perubahan kepada Perjanjian Privasi ini

Anda mengakui dan menyetujui bahawa kami boleh meminda, mengubah suai, mengubah atau menggantikan Perjanjian Privasi ini pada bila-bila masa untuk mempertimbangkan perubahan dalam undang-undang dan isu lain yang mungkin timbul. Kami akan menyiarkan Perjanjian Privasi yang telah disemak di laman web awam kami dan menyediakannya di cawangan kami. Kami juga boleh memaklumkan kepada anda apa-apa perubahan kepada Perjanjian Privasi ini melalui mana-mana cara berikut:

- notis yang dialamatkan kepada anda ke alamat terakhir anda di dalam rekod kami;
- notis di laman web awam kami;
- notis di cawangan kami; atau
- notis di dalam penyata bulanan anda.

Jika anda meneruskan penggunaan akaun, produk atau Perkhidmatan atau jika anda mempunyai dana yang didepositkan dengan kami di dalam akaun selepas notis perubahan sedemikian bermakna bahawa anda bersetuju dan menerima terma dan syarat baru di dalam Perjanjian Privasi seperti yang telah dipinda. Jika anda tidak bersetuju dengan mana-mana perubahan yang telah dibuat, anda mestilah menghentikan penggunaan akaun dan/atau Perkhidmatan dengan segera serta memaklumkan kepada kami bahawa anda akan menamatkan perjanjian anda itu dengan kami.

2. Cara Kita Menghubungi Satu Sama Lain

Kami akan menggunakan alamat atau butiran hubungan lain yang diberikan di dalam Permohonan Akaun Perniagaan anda untuk menghubungi anda. Anda bersetuju untuk memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan atau tambahan kepada butiran ini. Kami boleh menghubungi anda melalui surat-menyurat, telefon atau e-mel. Semua penyata dan notis yang kami telah bersetuju untuk diberikan kepada anda akan dihantar ke alamat terbaru yang anda maklumkan, kepada kami, dan akan dianggap sebagai telah anda terima lima hari perniagaan setelah ia diposkan atau pada masa penghantaran peribadi jika kami menghantar komunikasi elektronik. Surat-menyurat daripada Bank dimajukan di dalam sampul surat yang bertanda dengan nama kami dan alamat kembali.

Anda boleh menghubungi kami menggunakan alamat itu dan butiran hubungan lain yang kami beri kepada anda semasa anda membuka Akaun atau Perkhidmatan Peniagaan anda. Kami akan memberi anda notis bertulis sekiranya mana-mana antaranya berubah. Jika anda menghubungi kami melalui telefon, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengesahkan identiti anda sebelum memberikan apa-apa maklumat Akaun Perniagaan.

Anda bersetuju bahawa kami boleh meninggalkan mesej untuk anda menghubungi kami melalui mesin menjawab panggilan telefon atau mesin faksimile atau dengan orang yang menjawab telefon dan bahawa kami boleh menggunakan sistem dailan automatik untuk memberi anda mesej telefon yang telah dirakam.

3. Cara Kami Akan Menerima Arahan Daripada Anda

Apa-apa arahan kepada kami boleh diberi bersendirian di cawangan anda atau dihantar ke cawangan domisil anda secara bertulis. Kami akan menerima arahan melalui surat-menyurat, apabila kami menerimanya di cawangan domisil anda, tetapi kami tidak bertanggungjawab terhadap kelewatan atau kegagalan penghantaran arahan sedemikian.

Kami boleh menolak untuk bertindak terhadap apa-apa arahan jika, pada pendapat kami, anda telah melanggar peruntukan dalam Perjanjian ini; atau untuk melakukan sedemikian mungkin menyalahi undang-undang atau melanggar apa-apa kewajipan yang kami terhutang kepada pihak ketiga; atau menyebabkan kami gagal mematuhi apa-apa kod, garis panduan atau standard yang berkuat kuasa dari masa ke masa ia dikenakan pada kami; atau jika kami meragui ketulusan orang yang memberikan arahan sedemikian; atau jika arahan yang anda beri tidak lengkap (termasuklah pengendorsan), menyalahi undang-undang, atau maklumat yang diberi tidak sepadan dengan maklumat dalam rekod kami atau Perjanjian ini.



Jika anda juga ingin memberi arahan melalui telefon, faksimile atau e-mel anda bersetuju dengan yang berikut:

- Bahawa arahan sedemikian hanya akan diterima daripada pegawai penandatanganan.
- Bahawa Bank atau mana-mana subsidiari atau ejennya tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau perniagaan kerana bertindak terhadap arahan anda atau pada arahan yang kelihatan seperti daripada anda, jika tindakan itu adalah dengan suci hati.
- Bahawa anda melindungi dan tidak mempertanggungjawabkan Bank dan mana-mana subsidiari dan ejen mereka masing-masing daripada dan terhadap mana-mana dan semua liabiliti, kewajipan, kerugian, kerosakan, penalti, tindakan, penghakiman, dakwaan, kos, perbelanjaan, pembayaran dalam jenis atau bentuk apa jua sekalipun yang mungkin dikenakan terhadap, ditanggung oleh, atau disampaikan kepada mereka, oleh sebab tindakan mereka diambil selaras dengan arahan.
- Bahawa bayaran perkhidmatan akan dikenakan untuk tindakan yang diambil oleh Bank sebagai respons kepada arahan anda. Bayaran ini boleh dipotong daripada mana-mana akaun yang anda miliki dengan Bank, kecuali anda menyatakan sebaliknya di dalam arahan anda.

Anda bersetuju untuk mengekalkan sistem sekuriti, prosedur dan kawalan untuk menghalang dan mengesan:

- pencurian dana;
- arahan yang dipalsukan, ditipu dan tanpa kebenaran dan pemindahan dana secara elektronik; dan
- kerugian disebabkan penipuan atau akses yang tidak dibenarkan kepada Akaun atau Perkhidmatan Perniagaan.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan:

- semua cek dan instrumen dinombori secara berurutan;
- semua cek dan instrumen dijaga dengan cara yang sama seperti wang tunai dalam jumlah yang besar;
- semua cek dan instrumen lain, kad bank, terminal akses, penekap cek, cop, cap mohor dan peranti tandatangan faksimile disimpan di dalam peti simpanan, bilik kebal atau bekas lain yang berkunci dan selamat;
- penelitian berkala dijalankan untuk memastikan bahawa cek dan instrumen lain terjamin;
- pengauditan berkala terhadap cek, instrumen, kad bank, terminal akses, penekap cek, cop, cap mohor dan peranti tandatangan faksimile dilaksanakan;

- bahawa individu yang bertanggungjawab untuk melakukan penyesuaian penyata bank bukanlah individu yang sama yang bertanggungjawab terhadap keselamatan cek atau instrumen atau penyediaannya; dan
- semua pekerja dan ejen yang mempunyai apa-apa peranan untuk menyediakan cek atau instrumen dan penyesuaian penyata bank perniagaan atau fungsi perbankan yang lain diselia dan dipantau.

Kami dan pegawai, pengarah dan pekerja dan ejen kami tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau kepada mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa tuntutan atau kerugian yang mungkin anda alami akibat apa-apa penipuan yang disebabkan oleh mana-mana pekerja atau ejen anda walaupun jika mana-mana kawalan di atas tidak dilanggar, walaupun jika anda menghantar notis kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari memaklumkan kepada kami tentang kerugian sedemikian.

Anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan pembayaran bagi arahan anda. Kecuali anda telah membuat aturan khusus dengan kami, anda akan memastikan bahawa Akaun(-akaun) Perniagaan anda mempunyai dana telah dijelaskan yang mencukupi untuk menyelesaikan mana-mana arahan pada masa anda memberi arahan kepada kami. Kami tidak dikehendaki menyelesaikan arahan, jika dana yang telah dijelaskan tidak tersedia di dalam Akaun(-akaun) Perniagaan anda. Baki yang dilaporkan untuk Akaun(-akaun) Perniagaan anda mungkin melibatkan amaun yang bukan dana yang telah dijelaskan. Dana yang telah dijelaskan bermakna wang tunai atau apa-apa dana daripada mana-mana deposit yang akhirnya telah diselesaikan melalui sistem penjelasan.

Kami boleh memproses arahan pembayaran anda dan apa-apa caj kepada Akaun(-akaun) Perniagaan anda dalam mana-mana aturan yang sesuai untuk kami. Jika lebih daripada satu arahan dikemukakan untuk pembayaran dalam Akaun(-akaun) Perniagaan anda, aturan pemprosesan mungkin memberikan kesan sama ada arahan dijalankan jika tidak terdapat dana telah dijelaskan yang mencukupi di dalam Akaun(-akaun) Perniagaan.

Anda mengakui bahawa kami mesti menjelaskan arahan menggunakan sistem penjelasan dan terikat dengan peraturan bagi mana-mana sistem penjelasan yang kami gunakan, termasuklah peraturan untuk pengendorsan arahan, identiti penerima dan masa untuk penyelesaian akhir. Peraturan ini memberikan kesan kepada keupayaan kami untuk menjalankan permintaan anda untuk membatalkan arahan dan prosedur yang mesti kami ikuti untuk menyelesaikan arahan anda dan menjelaskan dana untuk anda. Anda mengakui dan mempersetujui bahawa peraturan ini tidak akan beroperasi atau diertikan dengan apa jua cara sekalipun untuk melemahkan atau mengehadkan mana-mana hak atau remedi yang kami ada terhadap anda.

Kami berhak untuk menjelaskan dan memindahkan arahan dengan apa jua kaedah yang kami pilih, sama ada ia dikeluarkan dari Akaun(-akaun) Perniagaan anda atau dirundingkan oleh anda.

Anda memberi kami masa yang mencukupi untuk menyelesaikan semua arahan. Anda mengakui bahawa kami boleh, atas budi bicara kami, melewatkan pengkreditan ke Akaun(-akaun) Perniagaan anda sehingga kami menerima dana yang telah dijelaskan untuk arahan tersebut.

Jika kami tidak dapat mengenakan caj pembayaran, bayaran atau perbelanjaan pada Akaun(-akaun) Perniagaan anda, atau jika kami meminta anda melakukan sedemikian, anda mestilah membayar kepada kami dengan segera apa-apa amaun yang perlu anda bayar di bawah Perjanjian ini, termasuk faedah pada kadar overdraf tersiar kami. Faedah akan dikira secara harian dan akan perlu dibayar secara bulanan atau seperti yang kami sebaliknya mungkin memerlukan.

Jika arahan pada Akaun(-akaun) Perniagaan anda memerlukan penyelesaian dalam mata wang selain mata wang Akaun Perniagaan, kami boleh menjual kepada anda atau membeli daripada anda (mengikut mana-mana yang berkenaan) amaun bagi mata wang lain yang diperlukan untuk menyelesaikan arahan anda. Jualan atau pembelian adalah pada kadar pertukaran pelanggan kami yang berkuat kuasa pada masa penyelesaian transaksi tersebut. Apa-apa kos untuk pertukaran ini akan ditambah pada amaun jualan yang perlu anda bayar atau dipotong daripada amaun pembelian yang sebaliknya perlu dibayar kepada anda. Kami akan mengenakan amaun jumlah jualan yang terhasil atau mengkreditkan amaun belian bersih yang terhasil ke Akaun Perniagaan anda.

4. Kewajipan Pembayaran Kami Kepada Anda

Wang yang kami hutang kepada anda disebabkan deposit anda ke Akaun(-akaun) Perniagaan anda dengan kami perlu dibayar di cawangan tempat anda mengekalkan akaun sahaja. Anda tidak berhak meminta pembayaran di mana-mana cawangan atau subsidiari lain milik Scotiabank.

Walaupun kami mungkin membenarkan anda mengeluarkan wang dan melaksanakan transaksi perbankan yang lain di cawangan Scotiabank yang lain, keistimewaan ini tertakluk pada sekatan dan kami berhak mengehadkan atau menarik balik Perkhidmatan sedemikian atas budi bicara kami.

Bank tidak akan memikul apa-apa tanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa pengurangan dalam mana-mana Akaun Perniagaan disebabkan cukai atau susut nilai dalam nilai dana yang dikreditkan ke Akaun Perniagaan disebabkan sekatan ke atas pemindahan, pembayaran atau kebolehtukaran atau disebabkan rekuisisi, pemindahan terpaksa, distres dalam apa-apa bentuk, gerak latih ketenteraan atau rampasan kuasa atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan Bank. Anda tidak akan mempunyai apa-apa tuntutan, tindakan atau mengambil tindakan lain terhadap Bank atau mana-mana cawangan, sekutu atau subsidiarinya selain cawangan tempat Akaun Perniagaan dikekalkan.

5. Kewajipan Pembayaran Anda Kepada Kami

Sebagai ganti kepada kami membuka dan menyimpan Akaun(-akaun) Perniagaan anda, anda bersetuju untuk membayar (dan kami boleh memotong) daripada Akaun(-akaun) Perniagaan anda apa-apa bayaran bulanan dan caj perkhidmatan tambahan untuk Akaun(-akaun) dan Perkhidmatan(-perkhidmatan) Perniagaan tersebut.

Anda juga bersetuju bahawa kami boleh memotong daripada Akaun(-akaun) Perniagaan anda:

- Apa-apa hutang atau liabiliti daripada mana-mana antara anda kepada kami atau kepada mana-mana subsidiari kami keseluruhannya dengan apa-apa perbelanjaan yang kami tanggung berhubungan dengannya.
- Amaun yang dikreditkan ke Akaun(-akaun) Perniagaan anda atau dibayar kepada anda menurut apa-apa arahan, tanpa mengira sama ada kami telah atau belum menerima penyelesaian berhubung dengan arahan sedemikian, jika atas budi bicara mutlak kami semata-mata arahan sedemikian adalah dengan apa cara jua sekalipun berkaitan dengan item penipuan, item dengan ralat pengendorsan atau item yang kami mungkin menanggung kerugian jika pembayaran atau kreditnya tidak dibalikkan, bersama-sama dengan semua kos berkaitan yang berkenaan dengan caj sedemikian kepada Akaun Perniagaan anda.
- Jika mana-mana pemotongan ini mewujudkan atau meningkatkan overdraf, anda tetap bertanggungjawab terhadap setiap caj, debit atau liabiliti sehingga anda membayar kepada kami. Anda berjanji akan membayar kepada kami atas permintaan, amaun bagi apa-apa overdraf bersama-sama dengan caj overdraf anda yang perlu dijelaskan pada masa itu.

Bayaran - Kami boleh memberi anda butiran bayaran bulanan dan caj perkhidmatan apabila anda memintanya. Kami boleh mengubah atas budi bicara kami semua caj yang perlu anda bayar, selaras dengan undang-undang terpakai, dan seperti yang diterangkan di dalam bahagian Operasi Perjanjian Ini di dalam buku kecil ini.

6. Kami Boleh Menahan Dana Anda

Cek yang dikemukakan untuk wang tunai atau deposit ke akaun anda mungkin tidak sentiasa ditunaikan dengan segera. Kami mungkin menahan dana untuk memastikan bahawa institusi kewangan yang mengeluarkan cek tidak akan mengembalikan cek. Walau bagaimanapun, penahanan itu tidak memberikan jaminan bahawa cek tidak akan dikembalikan sebagai tidak sah atau sebaliknya selepas tempoh penahanan itu telah tamat. Anda bertanggungjawab terhadap kami untuk apa-apa cek yang anda depositkan yang dikembalikan kepada kami, tanpa mengira sama ada tempoh penahanan sudah tamat atau belum.

Panjangnya masa anda telah berurusan dengan cawangan Scotiabank, amaun dana yang sudah terdapat di dalam Akaun Perniagaan anda, aturan penjelasan tempatan atau antarabangsa, dan amaun dan ciri cek yang didepositkan kesemuanya mungkin mempengaruhi sama ada dana akan ditahan, dan panjangnya tempoh penahanan tersebut.

Cek tertentu boleh dihantar ke “pengutipan”, bermakna bahawa dana itu akan dikreditkan ke Akaun Perniagaan anda hanya jika dan apabila cek dijelaskan institusi kewangan yang lain dan dana telah diterima oleh Scotiabank.

Pemindahan elektronik dan telefon yang diterima untuk deposit ke Akaun Perniagaan anda adalah tertakluk pada penentusahan kami terhadap sumber dana. Penahanan mungkin dikenakan pada dana yang dipindahkan sedemikian sehingga kami melengkapkan penentusahan.

7. Cek Anda Boleh Dikembalikan

Anda bersetuju untuk melengkapkan cek supaya ia tidak mudah dipinda dan anda tidak boleh meletakkan tarikh pada cek anda yang melepasi tarikh tandatangan. Jika anda melakukan sedemikian, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang anda tanggung disebabkan kami membayar cek sebelum tarikh yang telah anda letakkan padanya.

Jika kami mengembalikan cek atau perintah pembayaran mengikut aturan atau menolak untuk menerima arahan lain kami akan memaklumkan kepada anda sebab kami melakukan sedemikian. Caj untuk item yang dikembalikan atau item yang menjadi kewajipan kami untuk membayarnya, seperti cek dijamin, boleh didapatkan atas permintaan.

Kami boleh menolak untuk membuat apa-apa pembayaran jika anda tidak mempunyai dana yang telah dijelaskan (atau overdraf yang telah dipersetujui) tersedia pada hari bekerja sebelum item dikemukakan untuk pembayaran.

Untuk membuat keputusan sama ada anda mempunyai dana yang tersedia, kami boleh mempertimbangkan apa-apa arahan yang lebih awal untuk membuat pembayaran, pembayaran mengikut aturan dari Akaun Perniagaan anda, dan apa-apa cek yang kami anggap sebagai telah dijelaskan. Kami akan memberitahu anda jika anda boleh membuat pembayaran dari Akaun Perniagaan anda terhadap cek yang masih belum dijelaskan. Kami mungkin tidak akan mempertimbangkan kredit mengikut aturan yang dibayar ke dalam Akaun Perniagaan anda atau mana-mana kredit yang diterima selepas keputusan untuk menolak pembayaran telah diambil.

8. Cek yang anda depositkan boleh dikembalikan

Undang-undang persekutuan A.S. bertajuk “Akta Cek 21” (dikenakan pada cek Dolar A.S. yang dikeluarkan di A.S. sahaja) membolehkan bank A.S. untuk mengeluarkan cek kertas yang asal daripada sistem pembayaran cek, menangkap imejnya secara elektronik dan memusnahkan item yang asal. Akibatnya, jika anda merundingkan cek dolar A.S. yang diproses melalui sistem pembayaran cek A.S. dan kemudiannya dikembalikan, anda mungkin menerima pengeluaran semula imej elektronik itu dalam bentuk kertas, “Cek Gantian”, dan bukannya cek kertas yang asal. Di bawah undang-undang A.S., Cek Gantian merupakan setara yang sah bagi cek asal, dengan syarat ia menepati syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Cek 21.

Sebab-sebab cek yang anda depositkan mungkin dikembalikan oleh institusi kewangan lain boleh merangkumi tetapi tidak terhad kepada yang di bawah:

- NSF atau Rujuk Kepada Penyuruh Bayar: bermakna wang tidak mencukupi di dalam akaun yang mengeluarkan cek.
- Pembayaran Dihentikan: Pemilik akaun telah meminta supaya cek tidak dibayar.
- Tarikh Tertunda: Tarikh pada cek adalah pada masa hadapan.
- Tarikh Lapuk: Tarikh pada cek adalah 6 bulan atau lebih lama.
- Akaun Ditutup: Akaun yang mengeluarkan wang telah ditutup.
- Dana Tidak Dijelaskan: Dana di dalam akaun yang mengeluarkan cek telah “ditahan”.
- Cek Telah Dipinda Secara Material: Pemilik akaun mengatakan bahawa cek telah dipinda tanpa kebenaran.
- Cek Palsu: Pemilik akaun menafikan telah mengeluarkan cek.
- Tandatangan Tidak Seragam: Tandatangan di bahagian hadapan cek tidak sepadan dengan tandatangan biasa bagi orang yang dimaksudkan.
- Tandatangan Palsu: Tandatangan di bahagian hadapan cek bukan tandatangan bagi orang yang dimaksudkan.
- Pengendorsan Palsu: Tandatangan di bahagian pengendors cek bukan tandatangan bagi orang yang dimaksudkan.
- Perkataan dan Angka Berbeza: Amaun bertulis dan berangka pada cek tidak sepadan.

Jika anda mendepositkan cek yang telah dikeluarkan dengan mata wang asing dan cek itu dikembalikan kepada kami, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami mata wang tempatan yang setara dengan cek itu pada masa ia dikembalikan kepada kami.

Anda boleh menghentikan pembayaran cek yang telah anda keluarkan sebelum ia dikemukakan untuk pembayaran (kecuali ia telah dijamin). Anda hanya boleh membatalkan arahan yang diberi dengan apa-apa cara yang dapat kami terima

jika tindakan belum diambil ke atasnya. Jika kami dapat membatalkan arahan anda, kami mungkin mengenakan caj. Caj kami untuk menghentikan pembayaran cek tersedia atas permintaan.

Apabila anda membatalkan arahan (ini termasuklah untuk menghentikan pembayaran), anda mestilah mengikuti arahan yang ditetapkan oleh cawangan anda dan melengkapkan apa-apa borang yang kami beri kepada anda. Anda mestilah juga mengkomunikasikan pembatalan kepada kami secara bertulis atau melalui faks sebelum penyelesaian akhir. Anda mengakui bahawa kami mesti mengikuti mana-mana peraturan sistem penjelasan atau keperluan sistem pemindahan dana elektronik yang berkaitan dan ini boleh memberi kesan kepada keupayaan kami untuk membatalkan arahan.

Jika anda membatalkan arahan, kami tidak akan berkewajipan untuk menahan dana atau mengembalikan dana kepada anda kecuali:

- Kami dapat menghentikan arahan dan dana yang telah dijelaskan dikembalikan kepada kami, dan
- Cawangan menetapkan prosedur untuk anda membatalkan arahan dan anda mengikuti prosedur itu dengan betul.

Jika mana-mana cek yang telah anda rundingkan dikembalikan kepada kami tanpa dibayar, kami akan mendebitkan Akaun(-akaun) Perniagaan anda, sama ada ataupun tidak ia mewujudkan atau meningkatkan overdraf dan walaupun kami membenarkan anda membuat pembayaran atau untuk mengambil tunai terhadap cek.

Sekiranya Bank atas budi bicaranya membayar apa-apa cek atau perintah pembayaran apabila dana yang terdapat di dalam Akaun(-akaun) Perniagaan anda tidak mencukupi, anda bersetuju untuk membayar kepada Bank overdraf berkenaan atas permintaan, dan juga bersetuju untuk membayar faedah ke atas overdraf pada kadar maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan dari tarikh overdraf hingga ke tarikh pembayaran overdraf.

9. Kami Boleh Menggunakan Ejen dan Perkhidmatan Penghantaran

Kami boleh menggunakan mana-mana koresponden atau pihak ketiga untuk bertindak sebagai ejen anda bagi pemindahan dana atau transaksi lain untuk Akaun(-akaun) Perniagaan anda. Koresponden atau pihak ketiga ini, semasa memproses dana anda, akan dianggap sebagai ejen anda dan bukan ejen Bank.

Anda mesti meneliti dengan segera mana-mana notis yang dihantar kepada anda tentang transaksi pemindahan dana untuk akaun anda, dan maklumkan kepada kami dalam masa 24 jam dari anda menerima atau dianggap telah menerima notis, bagi apa-apa ralat atau peninggalan dalam transaksi. Jika anda gagal melaporkan dengan segera ralat atau peninggalan sedemikian anda

melepaskan Bank daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan percanggahan atau bantahan sedemikian.

9. Anda Mesti Menentusahkan Akaun Anda

Kami akan menyediakan secara berkala penyata Akaun(-akaun) Perniagaan anda yang akan diposkan ke alamat yang kami ada untuk anda di dalam rekod.

Anda mestilah meneliti setiap penyata dengan cermat untuk menyemak dan menentusahkan entri. Jika anda yakin terdapat apa-apa ralat atau peninggalan, anda mestilah memberitahu kami secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kami mengeposkan penyata atau menyediakannya untuk diambil sendiri. Jika anda tidak memberitahu kami tentang apa-apa ralat atau peninggalan dalam masa tiga puluh (30) hari itu, anda telah mengakui bahawa:

- Baki yang ditunjukkan di dalam penyata anda itu betul;
- Semua amaun yang dicaj pada Akaun(-akaun) Perniagaan anda itu sah;
- Tiada transaksi yang tertinggal daripada penyata anda (iaitu, penyata itu betul dan lengkap); dan
- Penggunaan apa-apa Perkhidmatan yang ditunjukkan adalah betul.

Kami dan mana-mana pegawai, pengarah dan pekerja dan ejen kami tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau kepada mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa tuntutan atau kerugian yang mungkin anda alami akibat apa-apa penipuan yang disebabkan oleh mana-mana pekerja atau ejen walaupun jika anda menghantar notis kepada kami dalam tempoh 30 hari memaklumkan kepada kami tentang kerugian sedemikian. Selepas tiga puluh (30) hari, anda tidak boleh menuntut, untuk apa-apa tujuan, bahawa apa-apa cek, instrumen atau entri (debit atau kredit) pada penyata anda adalah salah, dan anda tidak akan mempunyai sebarang tuntutan terhadap kami untuk pembayaran balik berkenaan dengan cek, instrumen atau entri, walaupun jika cek, instrumen atau arahan yang dikenakan pada Akaun Perniagaan anda telah dipalsukan, tidak dibenarkan atau ditipu.

Kami akan memberitahu anda jika sifat apa-apa Perkhidmatan yang diluluskan untuk anda memerlukan penyata, pertukaran maklumat, laporan atau pengesahan yang lebih kerap daripada yang diterangkan umumnya untuk Akaun Perniagaan. Syarat penentusahan akaun yang diterangkan di atas akan dikenakan tanpa mengira kekerapan pelaporan, tetapi tempoh penentusahan Akaun Perniagaan adalah yang diterangkan di dalam notis kepada anda dan bukan tempoh penentusahan tiga puluh (30) hari seperti di atas.

Kami akan mengeposkan penyata akaun anda ke alamat terkini di dalam rekod kami atau menyediakannya untuk diambil sendiri di cawangan, seperti yang dipersetujui secara bertulis dari masa ke masa. Jika anda tidak menerima penyata, atau mengambilnya seperti yang telah anda persetujui, dalam masa

sepuluh (10) hari selepas tamat tempoh penyata, anda mesti memaklumkan kepada kami dalam masa lima belas (15) hari dari tamat tempoh penyata. Jika anda tidak memaklumkan kepada kami bahawa anda tidak menerima penyata Akaun Perniagaan dalam tempoh itu, maka anda akan dianggap telah menerima penyata lima (5) hari selepas tarikh pos, anda mempunyai tiga puluh (30) hari lagi untuk meneliti penyata dan memaklumkan kepada kami tentang apa-apa ralat.

11. Sekatan Liabiliti dan Indemniti

Kecuali seperti yang sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang, atau seperti yang sebaliknya diperuntukkan di dalam Perjanjian ini, kami dan pegawai, pengarah, pekerja dan ejen kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang anda alami berhubung dengan Akaun(-akaun) Perniagaan anda atau peruntukan bagi apa-apa produk atau Perkhidmatan, atau penolakan untuk menyediakan Perkhidmatan, kecuali ia disebabkan oleh kecuai melampau kami. Kami mengakui bahawa ini bermakna bahawa kami dan pegawai, pengarah, pekerja dan ejen kami tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:

- Melunaskan, atau menolak untuk melunaskan atau membatalkan, cek atau arahan, atas apa-apa sebab;
- Apa-apa kelewatan dalam melengkapkan atau gagal menyediakan Perkhidmatan untuk apa-apa sebab walaupun ini bermakna bahawa anda tidak dapat mengakses dana di dalam Akaun Perniagaan anda;
- Apa-apa perkara yang muncul daripada tindakan anda atau kegagalan anda untuk melaksanakan kewajipan anda dengan betul di bawah Perjanjian ini walaupun anda tidak bersalah; dan
- Penggunaan Perkhidmatan, cek atau arahan yang dipalsukan, tidak dibenarkan atau ditipu, atau pindaan material pada cek atau arahan, walaupun anda atau kami tidak menentusahkan tandatangan, cek, atau arahan atau kebenaran.

Jika kami didapati bertanggungjawab kerana gagal melaksanakan Perkhidmatan dengan betul, liabiliti kami tidak akan lebih daripada kos langsung kepada anda bagi apa-apa kerugian dana yang anda alami. Kerugian ini akan dikira dari masa kami sepatutnya menyediakan dana itu untuk anda sehingga masa kami benar-benar menyediakannya, atau sehingga anda menemui secara munasabahnya kerugian itu, mana yang lebih awal.

Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan atau kerugian disebabkan kelewatan atau kegagalan untuk memenuhi kewajipan lain menurut Perjanjian ini disebabkan atau dapat dianggap berpunca daripada keadaan yang di luar kawalannya. Keadaan sedemikian termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, kudrat Tuhan, tindakan oleh pihak lain, tindakan ketenteraan, perintah

pihak berkuasa sivil, mogok, gangguan kuasa, kehilangan komunikasi atau kemudahan komputer, banjir.

Kami atau mana-mana pegawai, pengarah, pekerja atau ejen kami tidak sekali-kali akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan tidak langsung, sampingan, khas atau punitif yang merupakan akibat kehilangan, termasuklah, tanpa had, kehilangan keuntungan.

Anda bersetuju untuk:

- Melepaskan kami dan pegawai, pengarah, pekerja dan ejen kami daripada liabiliti;
- Melindungi dan tidak menyalahkan kami dan pegawai, pengarah, pekerja dan ejen kami; dan
- Memberi pampasan kepada kedua-dua kami dan mana-mana pihak ketiga yang menyediakan Perkhidmatan atau menyelesaikan arahan bagi pihak anda untuk apa-apa kerugian, kerosakan, pembayaran, belanja guaman (berdasarkan yuran peguam dan kos yang kami tanggung) sama ada ditanggung di peringkat perbicaraan atau rayuan, dalam prosiding timbang tara atau pentadbiran, dalam kemuflihan (termasuklah, tanpa had, apa-apa prosiding pertentangan, perkara atau usul yang dipertandingkan atau sebaliknya) dan kos lain, seperti yang berkenaan, terhasil daripada:
 - A) apa-apa Perkhidmatan yang dilaksanakan atau ditolak;
 - B) Apa-apa cek atau arahan yang dijalankan, diproses, dirundingkan, diselesaikan, diubah, dibatalkan, dibalikkan atau ditolak; atau,
 - C) kegagalan anda untuk menyediakan maklumat dengan betul atau mengikuti apa-apa prosedur untuk Akaun atau Perkhidmatan Perniagaan di bawah Perjanjian ini.

Kami akan memaklumkan kepada anda jika tuntutan muncul yang anda telah bersetuju untuk melindungi kami daripadanya. Setiap daripada kami akan bekerjasama untuk berurusan dengan tuntutan, tetapi apa-apa kos akan berada dalam perbelanjaan anda. Anda boleh mempertahankan tuntutan sebelum membuat pembayaran untuk menyelesaikannya; selagi kami berpuas hati bahawa ini tidak akan menyebabkan kami terdedah kepada kerugian yang lebih besar.

12. KLAUSA PERSETUJUAN KORPORAT

Syarikat dengan ini secara muktamad, bersetuju dan menguasai, serta mengesahkan bahawa ia telah mendapatkan persetujuan dan penguasaan daripada pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang-orang lain yang berkenaan, untuk The bank of Nova Scotia Berhad (Scotiabank):

- i. diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi yang berkenaan mengenai pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang-orang lain yang berkenaan) sepertimana yang mungkin diperlukan oleh Scotiabank untuk digunakan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang relevan dan untuk tujuan pemberian dan penyelenggaraan berterusan kemudahan/akaun;
- ii. menjalankan pemeriksaan rujukan yang perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan rujukan kredit/rujukan laporan untuk memastikan dengan lebih lanjut status Syarikat dan subsidiari, pengarah, pemegang saham, pegawai, penjaminnya dan/atau orang-orang lain yang berkenaan;
- iii. mendedahkan maklumat peribadi pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang-orang lain yang berkenaan tersebut kepada golongan-golongan pihak-pihak yang dinyatakan dalam Notis Privasi Scotiabank (yang boleh didapati di www.scotiabank.com.my); dan
- iv. memberi pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang-orang lain yang berkenaan tersebut dengan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan/atau tawaran-tawaran Scotiabank (termasuk produk, perkhidmatan dan/atau tawaran-tawaran daripada entiti-entiti dalam Kumpulan Scotiabank) yang mungkin menarik minat mereka dan/atau memberi manfaat kewangan kepada mereka,

mengikut budi bicara tunggal Scotiabank, tanpa rujukan selanjutnya kepada Syarikat, subsidiari, pengarah, pemegang saham, pegawai, penjaminnya dan/atau orang-orang lain yang relevan. Syarikat bersetuju untuk bertanggungjawab memaklumkan Scotiabank secara bertulis jika adanya apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi dan kewangan berkaitan dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjaminnya dan/atau orang-orang lain yang berkenaan tersebut. Jika persetujuan dan/atau penguasaan kemudiannya dibatalkan oleh mana-mana pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin dan/atau orang-orang lain yang berkenaan tersebut, Syarikat bersetuju bahawa Scotiabank berhak untuk membatalkan kemudahan / menutup akaun tersebut.

Klausa ini adalah tanpa prejudis kepada mana-mana klausa yang lain dalam Terma-Terma dan Syarat -Syarat ini yang memberi peruntukan kepada pendedahan maklumat.